

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/1999

Ogos/September 1998

AAW314 - PENGAUDITAN 1

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN (9)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja. Soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB**. Pilih **DUA (2)** soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A (WAJIB)

1. (a) Butiran yang dinyatakan di dalam kunci kira-kira bagi sesebuah syarikat berhad adalah merupakan pernyataan pengurusan. Apakah yang dimaksudkan dengan “pernyataan pengurusan”? Apakah hubungkaitnya dengan objektif audit urusaniaga dan baki?

[5 markah]
- (b) Salah satu tujuan juruaudit mengaudit nilai yang tertera di dalam kunci kira-kira syarikat berhad adalah untuk menentukan sama ada kesemua aset adalah tidak terlebih catat dan kesemua liabiliti adalah tidak terkurang catat.

Anda dikehendaki:

- (i) Membincangkan kenyataan ini berhubung dengan aset semasa dan liabiliti semasa. Bincangkan mengapa juruaudit berpendapat demikian dan sama ada anda bersetuju dengan pendapat ini.

[6 markah]

(ii) Bagi sesuatu syarikat perkilangan, jelaskan bagaimana juruaudit mencapai objektif tersebut berhubung dengan butiran berikut di dalam kunci kira-kira:

- (1) inventori dan kerja dalam proses
- (2) akaun belum bayar
- (3) liabiliti kontinjen berhubung dengan tuntutan guaman ke atas syarikat tersebut.

[9 markah]

2. Anatano Sugiki Berhad menjual komponen yang diperlukan untuk membuat kapal terbang. Adalah menjadi polisi syarikat menentukan bahawa setiap dokumen penghantaran yang bernombor dikeluarkan bagi setiap jualan. Setiap kali penghantaran dibuat, kerani penghantaran akan menuliskan tarikh penghantaran di atas dokumen penghantaran. Dokumen bernombor 5682 merupakan dokumen terakhir bagi tahun berakhir 30 November 1997. Setiap penghantaran telah dikenakan bayaran oleh kerani penghantaran mengikut susunan penerimaan dokumen penghantaran.

Berasaskan dokumen penghantaran, invois jualan telah disediakan seperti berikut bagi bulan November dan Disember 1997.

Nombor Dokumen Penghantaran	Nombor Invois Jualan
5678	7782
5679	7776
5680	7777
5681	7780
5682	7781
5683	7778
5684	7779
5685	7783
5686	7785
5687	7784

Jurnal jualan bagi bulan November dan Disember adalah seperti berikut:

Jurnal Jualan - November 1997		
Haribulan	Nombor Invois	Jumlah Jualan
29	7776	RM 726.10
29	7779	1,920.50
30	7777	419.80
30	7778	620.30
30	7780	47.70

Jurnal Jualan - Disember 1997

Haribulan	Nombor Invois	Jumlah Jualan
1	7782	RM2,540.60
1	7782	105.20
1	7783	852.10
2	7785	1,250.50
2	7784	646.60

Dikehendaki:

- (a) Jika diandaikan inventori berkala digunakan, yang mana satukah di antara invois jualan yang telah dinyatakan, telah dicatatkan di dalam tempoh perakaunan yang salah? Sediakan catatan jurnal pelarasan bagi tahun berakhir 30 November 1997.

[5 markah]

- (b) Andaikan kerani perkapalan telah tersalah catat 30 November di atas dokumen perkapalan 5683 hingga 5687. Bagaimanakah tindakan ini boleh menjejaskan ketepatan penyata kewangan? Bagaimanakah juruaudit boleh menemui kesilapan ini?

[5 markah]

- (c) Nyatakan tatacara audit yang perlu diikuti di dalam memastikan tatacara penggalan jualan adalah tepat pada tarikh kunci kira-kira.

[5 markah]

- (d) Nyatakan kawalan dalaman yang boleh mengurangkan salahnyata tatacara penggalan ini. Bagaimanakah anda boleh menguji setiap kawalan ini?

[5 markah]

3. (a) (i) IAG 9, "Dokumentasi" menerangkan tujuan serta jenis dan kandungan kertas kerja. Bincangkan.

[4 markah]

- (ii) Tentukan sama ada juruaudit patut:
(1) mengaudit butiran yang tidak matan.
(2) memasukkan penerangan yang terperinci berhubung dengan pengauditan butiran tersebut.

[6 markah]

- (b) Anda sedang menjalankan pengauditan akaun Lee Wee Kee Berhad bagi tahun berakhir 30 April 1997. Syarikat ini mempunyai jualan berjumlah RM10 juta, dana pemegang saham sebanyak RM3 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM250,000. Di sepanjang pengauditan, anda mendapati bahawa baki akaun kawalan lejar jualan adalah RM10,000 lebih daripada jumlah baki lejar jualan.

Penyiasatan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kerani yang menyediakan lejar kawalan jualan tersebut telah berhenti kerja pada bulan Februari tahun yang sama. Adalah didapati bahawa kerani tersebut selama ini telah memasukkan cek pelanggan ke dalam bank akaunnya sendiri. Jumlah yang terdapat di dalam akaun bank kerani tersebut adalah sama dengan jumlah perbezaan yang anda kesan.

Di dalam penyemakan fail audit tahun lepas, anda telah mendapati bahawa jadual pelarasan akaun lejar jualan juga disediakan oleh pihak pengurusan. Di dalam jadual ini, perbezaan di antara lejar jualan dan akaun kawalan berjumlah RM5,000. Malangnya, tiada sebarang kerja audit dijalankan ke atas jadual ini.

Andaikan anda telah tidak mengesan penyelewangan ini di dalam audit tahun lepas tetapi hanya mengesannya pada tahun ini.

Berhubung dengan penyelewangan yang tersebut di atas, bincangkan potensi liabiliti seseorang juruaudit kepada:

- (i) pemegang saham
- (ii) syarikat

Anda hendaklah membuat rujukan kepada kes mahkamah yang telah dibincangkan di dalam kuliah.

[10 markah]

Bahagian B

Pilih DUA (2) dari 4 soalan.

4. (a) Di dalam mengeluarkan pendapatnya ke atas penyata kewangan, juruaudit hendaklah mendapatkan kepastian berpatutan sama ada maklumat di dalam rekod perakaunan dan sumber data adalah boleh dipercayai dan mencukupi sebagai asas penyediaan penyata kewangan.

Jelaskan bagaimana juruaudit boleh menilai kebolehpercayaan dan kecukupan maklumat ini.

[6 markah]

- (b) Di dalam memberikan pandangan, juruaudit hendaklah menentukan sama ada maklumat penting telah ditunjukkan di dalam penyata kewangan. Jelaskan bagaimana juruaudit menentukan perkara ini berlaku.

[5 markah]

- (c) Pemeriksaan bukti audit adalah satu proses yang penting di dalam pengauditan. Bukti boleh didapati oleh juruaudit dari sumber yang boleh dikawal olehnya sendiri. Setiap satu sumber ini memberikan gambaran yang berlainan kepada juruaudit.

Dikehendaki:

Bincangkan kualiti serta berikan dua contoh bagi setiap satu jenis bukti di bawah ini:

- (i) bukti dari juruaudit itu sendiri
- (ii) bukti dari pihak ketiga
- (iii) bukti dari pihak pelanggan.

[9 markah]

5. (a) Pada pendapat anda, adakah senario di bawah ini melanggar perelakuan beretika? Anda hendaklah menyokong jawapan dengan mengemukakan garis panduan/peraturan di dalam Kod Perlakuan Profesyenal dan Beretika, MACPA dan Undang-Undang Kecil berhubung dengan Perlakuan Profesyenal dan Beretika, MIA.

Senario	
1.	Seorang juruaudit mengetahui bahawa rakannya di dalam firma audit sedang menggunakan perisian komputer cetak rompak. Juruaudit tidak melaporkan hal ini.
2.	Seorang juruaudit telah dipenjarakan semalaman kerana memandu kereta dengan tidak cermat. Tahanan beliau telah dilaporkan di dalam surat khabar.
3.	Seorang rakan kongsi firma audit telah bersetuju mengaudit syarikat pelanggan walaupun pada masa dahulu firma audit enggan mengaudit pelanggan tersebut. Ini adalah kerana syarikat itu menjalankan operasi yang berisiko tinggi. Keputusan untuk mengaudit syarikat pelanggan adalah kerana firma audit menghadapi kekurangan wang dan bukan kerana risiko syarikat pelanggan tersebut telah berkurangan.
4.	Seorang juruaudit menjalankan pengauditan bagi kedua-dua syarikat perkilangan dan bank. Semasa mengaudit kilang tersebut, juruaudit mendapati bahawa pihak kilang akan mengistiharkan perniagaannya muflis kerana masalah kecairan. Bank telah memberikan pinjaman yang matan kepada kilang tersebut. Jika pihak bank mengetahui akan perkara sebenar, ia boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi mengurangkan kerugiannya. Juruaudit tidak memberitahu pihak bank akan perkara ini.

5	Firma audit Right and Wrong menjalankan pengauditan Syarikat Perkilangan Mandarin dan juga memberi perkhidmatan perancangan kewangan kepada syarikat tersebut. Kedua-dua perkhidmatan ini tidak dikenakan bayaran tetapi sebaliknya, Right and Wrong menerima komisen ke atas kesemua barangan (polisi insurans, sekuriti) yang dibeli dari Syarikat Mandarin. Right and Wrong telah mendedahkan perkara ini kepada pengarah eksekutifnya.
---	--

[10 markah]

- (b) Firma anda, Amran, Rama dan Tan (ART) ialah juruaudit Syarikat Tatasusila Sdn Berhad (TSB). Di dalam menjalankan pengauditan TSB bagi tahun berakhir 30 Jun 1998, anda tidak bersetuju dengan beberapa pengendalian perakaunan yang matan dan memerlukan laporan bersyarat dikeluarkan jika tidak diselesaikan.

Anda telah berbincang dengan pengurusan tetapi tidak menemui sebarang penyelesaian. Oleh kerana itu, TSB telah meminta ART meletakkan jawatannya serta merta. Didalam surat mereka, TSB menyatakan ART adalah tidak layak menjadi juruaudit kerana telah melanggar Seksyen 9, Akta Syarikat 1965. Sebagai tambahan, TSB telah mengugut untuk menanggungkan pembayaran yuran audit bagi tahun berakhir 30 Jun 1998 jika ART tidak mahu meletakkan jawatan.

TSB telah mencadangkan juruaudit baru, Cerdik Pandai (CP) untuk menjadi juruaudit mereka serta merta.

Dikehendaki:

- (i) Senaraikan keadaan sepertimana yang dinyatakan oleh Akta Syarikat 1965 di mana ART tidak boleh menjadi juruaudit Syarikat TSB.
- (ii) Apakah hak ART sejurus selepas menerima surat TSB menyuruhnya meletakkan jawatan?
- (iii) Nyatakan perkara yang patut diberitahu oleh ART kepada CP selepas menerima surat dari pihak TSB menyuruhnya meletakkan jawatan. Andaikan ART tidak mahu meneruskan pengauditan oleh kerana pertelingkahan yang berlaku ini.

[10 markah]

6. Di dalam pengauditan aset tetap Saujana Berhad pada 31 Mac 1997, anda telah menjumpai dua perkara yang memerlukan perhatian audit yang lebih mendalam.

Perkara pertama

Dokumen berhubung dengan pengiraan kos buruh langsung ke atas aset semasa pembinaanya telah secara tidak sengaja dihapuskan pada awal tahun tersebut. Jumlah kos buruh langsung dianggarkan berjumlah RM10,000.

Perkara kedua

Syarikat telah menerima geran kerajaan (sila lihat nota di bawah) berjumlah RM25,000 untuk membeli sebuah loji dan peralatan. Aset itu dijangka dapat digunakan selama 10 tahun. Keseluruhan jumlah geran yang diterima telah dikreditkan kepada Akaun Untung Rugi sebagai “pendapatan luar jangkaan”.

Maklumat kewangan penting yang lain adalah seperti berikut:

Keuntungan sebelum cukai	RM100,000
Pertambahan aset tetap	133,000
Aset yang dibina oleh syarikat	34,000
Aset tetap pada nilai buku	666,667

*Nota: Menurut ED IAS 21, ada dua pendekatan pengendalian geran kerajaan, iaitu “pendekatan modal” dan “pendekatan pendapatan”. “Pendekatan modal” akan mengkreditkan jumlah geran diterima ke akaun dana pemegang ekuiti, sementara “pendekatan pendapatan” akan mengagihkan jumlah geran diterima mengikut usia guna aset dan kemudian jumlah setiap tahun usiaguna aset tersebut akan dikreditkan ke penyata pendapatan yang berkaitan.

Andaikan anda telah memilih “pendekatan pendapatan”.

Dikehendaki:

- (a) Nyatakan jenis laporan bersyarat yang boleh dikeluarkan oleh juruaudit. Apakah perubahan yang telah dicadangkan di dalam Piawai Pengauditan Antarabangsa (“International Standards on Auditing”) yang baru?

[7 markah]

- (b) Pada pendapat anda patutkah laporan bersyarat dikeluarkan bagi setiap perkara di atas? Nyatakan “jenis laporan bersyarat” yang boleh dikeluarkan.

[6 markah]

- (c) Dengan mengandaikan bahawa laporan bersyarat akan dikeluarkan berhubung dengan geran kerajaan, derafkan “bahagian” laporan audit untuk menerangkan perkara ini. Anda tidak perlu menulis keseluruhan laporan.

[7 markah]

7. (a) Tuliskan nota ringkas mengenai:

- (i) definisi sistem kawalan dalaman yang dikemukakan oleh COSO (Committee of Sponsoring Organisations), United States.
(ii) dapatan kajian yang dibincangkan di dalam artikel, “Can consensus be impaired by using different techniques of evaluation?” , Akauntan Nasional, 7 Julai 1997.

[7 markah]

- (b) Syarikat Sedia Membantu menjadi pelanggan anda semenjak tahun 1995 lagi. Anda baru sahaja selesai menjalankan pemeriksaan awal bagi tahun berakhir Julai 1998. Deraf laporan audit bersih telah disediakan dan telah ditujukan kepada Lembaga Pengarah seperti yang diarahkan. Sebagai tambahan, anda telah juga menderafkan surat yang juga ditujukan kepada Lembaga Pengarah, menggariskan kelemahan yang telah dijumpai di sepanjang pengauditan anda dan cadangan bagi mengatasi kelemahan tersebut.

Apabila anda berbincang dengan Encik Marimutu, Presiden Syarikat tersebut, beliau telah mengarahkan supaya anda tidak mengemukakan surat kelemahan tersebut. Beliau menyatakan bahawa beliau menyedari akan kewujudan kelemahan-kelemahan ini dan berjanji akan membetulkan kelemahan ini secepat mungkin. Pada pendapat beliau, surat ini tidak patut diberikan kepada Lembaga Pengarah kerana Lembaga patut menumpukan perhatian kepada persoalan polisi dan bukan perkara kecil seperti yang terdapat di dalam surat kelemahan itu.

Dikehendaki:

- (i) Menentukan faktor yang patut diteliti sebelum anda membuat keputusan menulis sesuatu surat kelemahan.

[3 markah]

- (ii) Jika anda telah membuat keputusan untuk mengeluarkan surat tersebut, patutkah anda menunjukan surat tersebut kepada Lembaga Pengarah atau kepada Presiden Syarikat?

[3 markah]

- (iii) Semasa pemeriksaan awal, anda telah mendapati bahawa penyelia kilang telah diberi kuasa untuk meluluskan jam bekerja seperti yang dicatatkan di dalam kad masa dan juga memberikan cek kepada pekerja.

Jelaskan kawalan dalaman alternatif (kawalan pengganti) di dalam syarikat sebelum membuat keputusan bahawa sistem kawalan dalaman adalah lemah. Jika anda mendapati tiada kawalan alternatif, tentukan tatacara audit yang patut dimasukkan ke dalam program audit untuk mengesan kesilapan dan penyelewangan yang mungkin berlaku ini.

[7 markah]

---ooo000ooo---